

nikasi di Melaka melibatkan perancangan dan integrasi infrastruktur nan infra telekomunikasi sanaan menaik taraf liputan di seluruh Negeri Meru. "Kerjasama kedua laka secara berperingkat. menyediakan infrastruktur yang terancang berdasarkan garis panduan yang lajaran, Pengajian Tinggi, Ismail dan Ketua Pegawai Eksekutif DiGi, Albern Murty.

JKR diarah pantau kelewatan projek di SK Lereh

Oleh FUAD RAMDAN

LEREH 3 Feb. - Kerajaan negeri menggesa kontraktor bertanggungjawab ke atas projek pembinaan gelanggang serba guna terbuka bertumbung di Sekolah Kebangsaan (SK) Lereh agar menyiapkan segera projek terancang tersebut.

La berikutan pembinaan gelanggang berkenaan dijadual siap pada Disember tahun lepas dan telah diberi beberapa kali penambahan masa untuk siap.

Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi Sains dan Teknologi, Datuk Wira Md. Yunos Husin berkata, penambahan masa projek itu sehingga Januari

2016 dan kemudiannya diminta dipanjangkan tempohnya sehingga April 2016.

"Saya tidak berpuas hati dengan projek ini, ia sepatutnya siap pada Disember 2015 lalu dan kita sudah beri tambahan masa, namun hingga kini masih tiada kemajuan.

"Walaupun mereka kata ia mampu siap pada April 2016,

namun melihat kepada keadaan tapak projek, saya tidak yakin, kecuali ada langkah drastik seperti bekerja siang dan malam," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui semasa lawatannya ke tapak projek pembinaan gelanggang serba guna terbuka bertumbung di SK Lereh di sini semalam.

Md. Yunos berharap, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku pengurus projek perlu mengambil tindakan menyelesaikan masalah berkenaan.

Hadir sama, Guru Besar SK Lereh, Md Saat Hassan. Projek berkenaan di jadual siap sepenuhnya pada Disember tahun lalu membabitkan kos kira-kira RM1.38 juta.



MD. Yunos melihat pelan pembinaan projek pembinaan gelanggang serba guna terbuka bertumbung yang terbengkalai di SK Lereh, Selasa lalu.

MD. Yunos berkata sesuatu kepada pihak bertanggungjawab ke atas projek tersebut.